A

INTEGRATE STEEL MILL SDN BHD
lwn. GAS MALAYSIA VIRTUAL PIPELINE SDN BHD

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MARIANA YAHYA HMR
HASHIM HAMZAH HMR
B ISMAIL IBRAHIM H
[RAYUAN SIVIL NO: C-02(NCvC)(W)-995-06-2023]
30 APRIL 2025

C **Abstrak** – *Dalam satu pertikaian antara plaintif dan defendan berasaskan satu perjanjian, plaintif perlu menunjukkan wujudnya priviti dalam kontrak dengan defendan. Tanpa priviti kontrak dan tanpa pembuktian bahawa plaintif adalah salah satu pihak dalam kontrak yang menjadi perkara pertikaian, plaintif tiada locus standi untuk memulakan tindakan terhadap defendan dalam kemungkiran kontrak.*

D

KONTRAK: *Priviti – Kewujudan – Plaintif memulakan tindakan terhadap defendan atas kemungkiran perjanjian – Sama ada plaintif pihak yang berkontrak dengan defendan dalam perjanjian – Sama ada nama plaintif dizahirkan dalam kontrak – Sama ada terdapat serah hak nyata pada plaintif untuk dijadikan pihak dalam perjanjian – Sama ada plaintif mempunyai locus untuk memulakan tindakan terhadap defendan – Sama ada plaintif berhak menuntut ganti rugi terhadap defendan*

E

F Responden ('plaintif') memfailkan tindakan terhadap perayu ('defendan') atas kegagalan defendan mengambil bekalan gas mampat ('CNG') daripada plaintif setelah kedua-dua pihak dikatakan memasuki satu perjanjian pre-supply agreement ('PSA') bertarikh 23 Oktober 2014 di mana tarikh pengambilan gas bermula pada Jun 2015. Menurut PSA, pembekalan CNG akan dimulakan dengan pelaksanaan satu perjanjian pembekalan gas yang G berterusan sebelum tarikh permulaan yang disetujui bawah terma-terma dalam PSA. Setelah PSA dimasuki, plaintif memulakan kerja-kerja menyediakan insfrastruktur untuk memulakan pembekalan CNG kepada defendan. Pada 28 Mei 2018, defendan memohon tarikh lanjutan bekalan ke Januari 2019 pada plaintif. Malangnya, walaupun selepas beberapa lanjutan H masa, defendan gagal mengambil bekalan CNG daripada plaintif dan dengan itu, melanggar klausa 6(a) PSA. Akibat pelanggaran itu, plaintif menuntut kos boleh dibayar semula berkaitan dengan pembinaan dan penyiapan kemudahan CNG, yang dikira selaras dengan klausa 6(b) PSA, berjumlah RM2,596,498.24. Kos boleh dibayar semula tersebut telah dikurangkan pada I hari perbicaraan dengan sukarela oleh plaintif daripada RM2,794,466.80 menjadi RM1,675,595.87. Tuntutan ini telah diturunkan sekali lagi pada

RM1,380,665.22. Mahkamah Tinggi membenarkan tuntutan plaintif. Dalam rayuan ini, isu-isu yang timbul untuk pertimbangan mahkamah adalah: (i) sama ada plaintif mempunyai hak bawah PSA; (ii) sama ada defendan memungkiri PSA terhadap plaintif; dan (iii) sama ada plaintif berhak mendapat pampasan daripada defendan jumlah tuntutan bawah PSA.

Diputuskan (membenarkan rayuan defendan dengan kos; mengenepikan perintah Mahkamah Tinggi)
Oleh Mariana Yahya HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pihak-pihak dalam PSA adalah defendan, Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd, masing-masing dikenali sebagai Party A, Party B-1 dan Party B-2. Melihat pada empat sudut PSA melalui peruntukan Recital I, setakat mana pelaksanaan PSA pada 23 Oktober 2014, sebelum penubuhan dan serah hak Party C dilaksanakan, Gas Malaysia dan IEV Energy Sdn Bhd adalah pihak yang berkontrak dengan defendan dengan terma-terma yang disetujui untuk membekalkan CNG kepada defendan. Nama plaintif, iaitu Gas Malaysia Virtual Pipeline Sdn Bhd, tidak pernah dizahirkan sebagai Party C seperti yang dimaksudkan bawah Recital I PSA bertarikh 23 Oktober 2014. (perenggan 27, 29, 31 & 54)

(2) Penubuhan Party C yang dimaksudkan dalam Recital I adalah selepas PSA ditandatangani. Plaintif ditubuhkan pada 21 Oktober 2014, iaitu sebelum PSA ditandatangani pada 23 Oktober 2014. Oleh itu, tidak mungkin Party C merujuk pada plaintif. Tiada juga apa-apa keterangan daripada mana-mana wakil di pihak Gas Malaysia Berhad dan/atau IEV Energy Sdn Bhd, yang adalah pihak-pihak dalam PSA, yang mengesahkan berkenaan Party C yang dirujuk dalam Recital I. Tambahan lagi, 'Gas Supply Agreement' yang menjadi syarat awalan dalam PSA juga tidak pernah diwujudkan antara defendan (Party A) dan Party B dan dengan itu, defendan meneruskan perjanjian PSA dengan GAS Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd. (perenggan 32, 33, 37 & 41)

(3) Demi memastikan penglibatan plaintif adalah sebahagian daripada PSA, perlu ada serah hak secara nyata oleh Party B kepada plaintif untuk dijadikan pihak dan mengambil semua tanggungjawab dan liabiliti menurut terma-terma dalam pembekalan CNG kepada defendan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dokumen secara bertulis berhubung serah hak daripada Party B kepada plaintif dan juga tidak kepada defendan. Sekiranya maksud 'assign' menjadi asas kewujudan plaintif dalam PSA, sekali lagi, perkataan serah hak yang dimaksudkan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bawah s. 4(3) Akta Undang-undang Sivil 1956. (perenggan 43, 49 & 50)

(4) Peruntukan Recital I dalam PSA adalah jelas, tidak kabur dan tidak mengelirukan. Kedudukan plaintif dalam PSA adalah mirip satu pihak asing pada PSA. Menerima pakai prinsip doktrin priviti kontrak,

A plaintif didapati tiada *locus* untuk mengambil tindakan terhadap defendan. Jika satu tindakan undang-undang hendak diambil terhadap defendan, pihak yang wajar berbuat demikian adalah pihak pada kontrak, iaitu, Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd. (perenggan 54)

B **(5)** Mustahil dan tidak munasabah untuk defendan memungkiri terma-terma PSA apabila plaintif jelas bukan pihak dalam PSA dan juga tiada hak atau kuasa untuk mengambil tindakan terhadap defendan. Plaintif juga tiada hak menuntut apa-apa ganti rugi terhadap defendan dalam ketiadaan priviti dalam PSA. Malahan, tiada peruntukan yang memberi
C tanggungan pada defendan sebagai Party A untuk membayar apa-apa ganti rugi, fi atau kos kepada plaintif atau Party C. Klausa 6(a) adalah khusus untuk tanggungan defendan membayar sebarang ganti rugi kepada Party B sahaja sekiranya berlaku kemungkiran PSA. Mahkamah Tinggi tersalah arah dan khilaf apabila mengasaskan penyata kiraan
D kerugian oleh plaintif sebagai satu bukti konklusif keberhutangan defendan. (perenggan 56, 57, 59 & 62)

English *Headnotes*

The respondent ('plaintiff') filed an action against the appellant ('defendant')
E for the defendant's failure to take delivery of compressed natural gas ('CNG') from the plaintiff after both parties were said to have entered into a pre-supply agreement ('PSA') dated 23 October 2014, wherein the date to take the delivery of the gas was to commence in June 2015. According to the PSA, the supply of CNG would commence following the execution of an agreement for continuous supply of gas before the agreed commencement
F date under the terms of the PSA. Upon the execution of the PSA, the plaintiff initiated works for the preparation of infrastructure facilities for the supply of CNG to the defendant. On 28 May 2018, the defendant requested from the plaintiff for an extension of supply date to January 2019. Unfortunately, despite several extensions of time, the defendant failed to take delivery of
G CNG supply from the plaintiff and therefore, breached cl. 6(A) of the PSA. As a result of the breach, the plaintiff demanded reimbursable costs in relation to the building and completion of the CNG facilities, calculated pursuant to cl. 6(b) of the PSA, amounting to RM2,596,498.24. The reimbursable costs were reduced voluntarily by the plaintiff on the day of
H trial from RM2,794,466.80 to RM1,675,595.87. This claim was further reduced to RM1,380,665.22. The High Court allowed the plaintiff's claim. In this appeal, the issues that arose for the court's determination were: (i) whether the plaintiff had any rights under the PSA; (ii) whether the defendant breached the PSA against the plaintiff; and (iii) whether the
I plaintiff was entitled to the compensation claimed from the defendant under the PSA.

Held (allowing defendant's appeal with costs; setting aside order of High Court)
Per Mariana Yahya JCA delivering the judgment of the court:

(1) The parties in the PSA were the defendant, Gas Malaysia Berhad and IEV Energy Sdn Bhd, known as Party A, Party B-1 and Party B-2 respectively. Looking at the four corners of the PSA by the provision of Recital I, as far as the execution of the PSA on 23 October 2014, before the establishment and assignment of Party C was enforced, Gas Malaysia and IEV Energy were the parties that had contracted with the defendant on terms as agreed for the supply of CNG to the defendant. The plaintiff's name, *ie*, Gas Malaysia Virtual Pipeline Sdn Bhd, had never been stated as Party C as meant under Recital I of the PSA dated 23 October 2014.

(2) The establishment of Party C that was meant in Recital I was after the execution of PSA. The plaintiff was established on 21 October 2014, *ie*, before the execution of the PSA on 23 October 2014. Therefore, Party C could never refer to the plaintiff. There was also no evidence from any representative of Gas Malaysia Berhad and/or IEV Energy Sdn Bhd, who were the parties to the PSA, to confirm about Party C referred in Recital I. Further, the 'Gas Supply Agreement' which was a pre-condition in the PSA had never been entered between the defendant (Party A) and Party B and therefore, the defendant carried on with the PSA agreement with Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd.

(3) In order to ensure that the plaintiff's involvement was part of the PSA, there had to be an express assignment by Party B for the plaintiff to be made a party and to take all the responsibilities and liabilities in accordance with the terms in the supply of CNG to the defendant. However, there was no written document in regard to the assignment from Party B to the plaintiff and neither to the defendant. If the meaning of 'assign' was the foundation of the plaintiff's existence in the PSA, once again, the word 'assign' did not fulfill the conditions stated under s. 4(3) of the Civil law Act 1956.

(4) The provisions of Recital I in the PSA was plain, clear and not misleading. The plaintiff's position in the PSA was similar to being a foreign party to the PSA. Applying the principles of the doctrine of privity of contract, the plaintiff was found to have no *locus* to take any action against the defendant. If a legal action were to be commenced against the defendant, the party that could rightly do so would be the parties to the contract, *ie*, Gas Malaysia Berhad and IEV Energy Sdn Bhd.

(5) It was impossible and unreasonable for the defendant to breach the terms of the PSA when the plaintiff was clearly not a party in the PSA and did not have any right or power to take action against the defendant. The plaintiff also did not have any right to claim for damages against the

defendant in the absence of privity in the PSA. In fact, there was no provision that obligated the defendant as Party A to pay any damages, fees or costs to the plaintiff or Party C. Clause 6(a) was specific to the defendant's liability to pay any damages to Party B only, in the event of a breach of the PSA. The High Court had misdirected itself and erred in relying on the plaintiff's calculations of statement of loss as conclusive evidence of the defendant's indebtedness.

Kes-kes yang dirujuk:
CIMB Bank Bhd v. ZIMA Properties Sdn Bhd & Ors [2014] 6 CLJ 677 CA ***(dirujuk)***
Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors [2004] 4 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***
Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng & Yap Wan Chuan & Ors [1996] 2 CLJ 185 SC ***(dirujuk)***
Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***
Mercantile Bank of London Ltd v. Evans [1999] 2 QB 613 ***(dirujuk)***
Ng Hoo Kui & Anor v. Wendy Tan Lee Peng, Administrator Of The Estates Of Tan Ewe Kwang, Deceased & Ors [2020] 10 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Nouvau Mont Dor (M) Sdn Bhd v. Faber Development Sdn Bhd [1985] 1 CLJ 56; [1985] CLJ (Rep) 231 FC ***(dirujuk)***
OCBC Bank (Malaysia) Bhd v. Omega Horizon Sdn Bhd & Ors [2004] 7 CLJ 443 HC ***(dirujuk)***
Suwiri Sdn Bhd v. Government Of The State Of Sabah [2008] 1 CLJ 123 FC ***(dirujuk)***
UMW Industries (1985) Sdn Bhd (Formerly UMW (Malaya) Sdn Bhd) v. Ah Fook [1996] 1 CLJ 379 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 4(3)
Companies Act 1965, ss. 16(4), 28

Bagi pihak perayu - Wong Fook Yong, Amalia Mohamad Said; T/n Wong, Law & Ti
Bagi pihak responden - Shaikh Abdul Saleem & Mah Dick Son; T/n Shaikh David & Co

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Gas Malaysia Virtual Pipeline Sdn Bhd v. Intergate Steel Mill Sdn Bhd [2023] CLJU 2271; [2023] 1 LNS 2271 (diketepikan).]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Mariana Yahya HMR:

Pengenalan

[1] Perayu memfailkan rayuan ini terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 31 Mac 2023 yang telah membenarkan tuntutan responden berjumlah RM1,380,665.22 berserta faedah pada kadar 5% setahun ke atas jumlah RM1,380,665.22 dari tarikh permulaan tindakan difailkan sehingga tarikh penyelesaian penuh dan muktamad. Perayu juga telah diperintahkan membayar kos sebanyak RM30,000.

[2] Tindakan ini difailkan oleh responden terhadap perayu adalah berakibat dari kegagalan perayu mengambil bekalan gas mampat ('compressed natural gas', ('CNG')) daripada responden pada atau sebelum tarikh perbekalan iaitu bulan Jun 2015 sebagaimana dinyatakan di dalam perjanjian "pre-supply agreement" ('PSA') bertarikh 23 Oktober 2014. Tarikh pengambilan gaster sebut bermula pada Jun 2015.

[3] Perayu dikatakan telah mengingkari terma-terma PSA dan telah menyebabkan responden mengalami kerugian dan menuntut ganti rugi.

[4] Pada 31 Mac 2023, selepas perbicaraan penuh dengan saksi-saksi, Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan responden dan memerintahkan perayu membayar jumlah ganti rugi dan kos.

[5] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi, perayu memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

[6] Untuk tujuan rayuan ini, pihak-pihak dirujuk sepertimana kedudukan asal mereka di Mahkamah Tinggi. Perayu adalah defendan. Responden adalah plaintif.

Fakta Ringkas

[7] Fakta kes adalah sebagaimana yang dizahirkan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi di dalam alasan penghakimannya. Plaintif memfailkan tindakan terhadap defendan di atas kegagalan defendan mengambil bekalan gas mampat (CNG) daripada plaintif setelah kedua-dua pihak dikatakan memasuki suatu perjanjian yang dipanggil sebagai "pre-supply agreement" ('PSA') bertarikh 23 Oktober 2014 di mana tarikh pengambilan gas tersebut bermula pada Jun 2015.

[8] Menurut PSA, pembekalan CNG akan dimulakan dengan pelaksanaan suatu perjanjian pembekalan gas yang berterusan pada masa yang material sebelum tarikh permulaan yang dipersetujui di bawah terma-terma yang terdapat dalam PSA.

[9] Antara terma-terma yang relevan yang dirujuk di dalam PSA tersebut adalah seperti berikut:

(i) bacaan I ('Recital I') menyatakan bahawa satu "syarikat pembekal tenaga" ('energy supply company') adalah ditubuhkan oleh Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd selepas PSA tersebut, untuk menyediakan bekalan CNG kepada defendan dan syarikat pembekal tenaga tersebut hendaklah diserahhakkan ke dalam PSA tersebut. Dalam hal ini, syarikat plaintif dikatakan telah ditubuhkan mengikut peruntukan PSA tersebut;

(ii) bacaan IV ('Recital IV') menyatakan bahawa bagi tujuan membekalkan CNG kepada defendan, plaintif mendakwa telah menjalankan pembinaan dan pemasangan kemudahan stesen ibu (mother station facilities) serta semua kerja lain yang perlu atau sampingan untuk pembekalan CNG ('kemudahan CNG');

(iii) klausa 1(a)(i) menyatakan bahawa tarikh pembekalan CNG telah ditetapkan pada bulan Jun 2015;

(iv) klausa 5(a)(ii) menyatakan bahawa tarikh pembekalan CNG boleh dilanjutkan dengan persetujuan bersama semua pihak kepada PSA. Dalam hal ini, tarikh pembekalan di bawah PSA kemudiannya dilanjutkan dengan persetujuan bersama pihak kepada Julai 2018 (tarikh lanjutan bekalan) (extended supply date); dan

(v) klausa 6 menyatakan bahawa defendan hendaklah memberi pampasan kepada plaintif untuk semua fi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh plaintif untuk semua kerja yang dijalankan berkaitan dengan pembinaan dan penyiapan kemudahan CNG (kos boleh dibayar semula) ('reimbursable costs'), sekiranya defendan gagal untuk mengambil CNG pada tarikh pembekalan dan/atau tarikh lanjutan bekalan.

[10] Setelah PSA dimasuki, plaintif telah memulakan kerja-kerja untuk menyediakan insfrastruktur bagi memulakan pembekalan CNG kepada defendan.

[11] Pada 28 Mei 2018, defendan telah memohon kepada plaintif supaya tarikh lanjutan bekalan dilanjutkan lagi kepada Januari 2019. Malangnya, defendan selepas memohon untuk beberapa perlanjutan masa telah gagal untuk mengambil bekalan CNG daripada plaintif.

[12] Plaintif tidak bersetuju dengan permohonan lanjutan masa tersebut dan telah memaklumkan kepada defendan melalui surat bertarikh 12 Jun 2018 yang mana kelewatan telah berterusan selama lebih setahun setengah dari tarikh penyiapan kemudahan CNG di pihak defendan untuk mengambil bekalan CNG tersebut.

[13] Defendan dikatakan telah gagal untuk mengambil CNG tersebut mengikut tarikh bekalan lanjutan dan dengan itu telah melanggar kl. 6(a) PSA yang menyatakan:

6(a) In the event that Party A shall fail to take CNG by;

(i) the Supply Date;

(ii) such extended Supply Date if the Supply Date is extended pursuant to Clause 5(a)(ii); or

(iii) the date of termination of this Agreement is terminated pursuant to Clause 5(a)(i).

> Party A shall compensate Party B for all fees, costs and expenses incurred by Party B for all the works carried out for and in connection with the construction and completion of the CNG. Facilities as authorized by Party A in Clause 2 (hereinafter referred to as "Reimbursable Costs" provided that if the CNG Facilities are not used or intended to be used for the sole purpose of enabling the supply of CNG to the Premises, the Reimbursable Costs charged shall be such portion of the total fees, costs and expenses as Party B shall determine).

[14] Akibat daripada pelanggaran PSA oleh defendan, plaintif menyatakan defendan hendaklah membayar pampasan untuk kos boleh dibayar semula berkaitan dengan pembinaan dan penyiapan kemudahan CNG tersebut.

[15] Melalui surat peguam cara plaintif bertarikh 14 September 2018, plaintif telah mengeluarkan surat tuntutan untuk kos boleh dibayar semula untuk dibayar oleh defendan. Notis ini diberikan dengan kiraan selaras dengan kl. 6(b) PSA tersebut yang menyatakan:

> (b) The details of the Reimbursable Costs shall be computed by Party B and forwarded to Party A. The Reimbursable Costs so computed by Party B shall, save for manifest error, be conclusive, final and binding on Party A and Party B.

[16] Dalam hal ini, kos boleh dibayar balik terhutang dan perlu dibayar oleh defendan berjumlah RM2,596,498.24, Walaupun plaintif dan/atau peguam caranya telah meminta pembayaran kos boleh dibayar semula, defendan dan/atau agennya telah gagal, abai atau enggan untuk menyelesaikan jumlah tersebut dengan plaintif.

[17] Kos boleh dibayar balik tersebut pada hari perbicaraan telah dikurangkan dengan sukarela oleh plaintif daripada RM2,794,466.80 kepada RM1,675,595.87. Selaras dengan keterangan oleh SP2, tuntutan ini telah diturunkan sekali iagi kepada RM1,380,665.22.

Dl Mahkamah Tinggi

[18] Kes telah dibicarakan dengan dua orang saksi di pihak plaintif dan dua orang saksi di pihak defendan.

Isu-lsu Yang Dibicarakan Di Mahkamah Tinggi

[19] Bagi tujuan perbicaraan kes, Mahkamah Tinggi telah menetapkan tiga isu yang perlu diputuskan iaitu:

(i) sama ada plaintif mempunyai *locus* untuk mengambil tindakan ini terhadap defendan oleh kerana tiada priviti dengan defendan;

(ii) sama ada defendan telah memungkiri perjanjian PSA bertarikh 23 Oktober 2014; dan

(iii) sama ada plaintif berhak mendapat pampasan daripada defendan untuk kesemua fi, kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh plaintif berkaitan dengan pembinaan dan pengujian kemudahan mengikut terma-terma PSA tersebut.

Dapatan Mahkamah Tinggi

[20] Defendan sememangnya mengetahui plaintif adalah sebenarnya party C dan dengan itu plaintif punya *locus standi* untuk mengambil tindakan ini terhadap defendan dengan menjuruskan kepada terma-terma yang menunjukkan hal seperti berikut:

(i) pihak-pihak sedia maklum bahawa akan ada party C selepas PSA ditandatangani;

(ii) plaintif merupakan party C di dalam PSA tersebut dan plaintif adalah syarikat usahasama antara Gas Malaysia Berhad (Party 8-1) dan IEV Energy Sdn Bhd (Party 8-2) di dalam PSA tersebut;

(iii) defendan telah berutus surat dan tidak pernah membantah mahupun memprotes semasa masa material bahawa plaintif merupakan pihak yang sepatutnya menjadi pihak di dalam tindakan ini;

(iv) menurut kl. 6(a) terma-terma di dalam PSA, beban untuk menafikan tuntutan kerugian yang di alami oleh plaintif terletak kepada defendan;

(v) berdasarkan keputusan kes *CIMB Bank Bhd v. ZIMA Properties Sdn Bhd & Ors* [2014] 6 CLJ 677; [2015] 1 MLJ 74, beban terletak di atas bahu defendan untuk menunjukkan terdapatnya kesilapan di dalam pengiraan plaintif; dan

(vi) pihak plaintif telahpun mengambil langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan kerugian dan seterusnya mengurangkan tuntutan asal plaintif terhadap defendan.

Rayuan Di Mahkamah Ini

[21] Defendan di dalam memorandum rayuannya menyenaraikan 47 alasan rayuan mereka. Namun, defendan di dalam hujahan peguam terpelajar, mereka hanya menumpukan rayuan mereka atas tiga isu sahaja iaitu:

(i) sama ada plaintif mempunyai hak di bawah PSA tersebut;

(ii) sama ada defendan memungkiri PSA tersebut terhadap plaintif; dan

(iii) sama ada plaintif berhak mendapat pampasan daripada defendan jumlah tuntutan tersebut di bawah PSA.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah Ini

Campur Tangan Mahkamah Rayuan

[22] Ujian yang terpakai bagi mahkamah ini untuk campur tangan dan/atau mengganggu keputusan Mahkamah Bicara dinyatakan dengan khusus oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ng Hoo Kui & Anor v. Wendy Tan Lee Peng, Administrator Of The Estates Of Tan Ewe Kwang, Deceased & Ors* [2020] 10 CLJ 1, bahawa Mahkamah Rayuan boleh mengakas keputusan Mahkamah Tinggi dengan mengguna pakai ujian 'kesalahan jelas' ('plainly wrong') yang menggunakannya secara pertimbangan kehakiman ('judicial appreciation of evidence'). Mahkamah Persekutuan di dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> (1) *An appellate court should not interfere with the trial judge's conclusions on primary facts unless satisfied that he was plainly wrong. The 'plainly wrong' test operates on the principle that the trial court has had the advantage of seeing and hearing the witnesses on their evidence as opposed to the appellate court that acts on the printed records*. In the UK, the test adopted by the appellate courts is not whether the higher courts feel that it would have reached a different conclusion on the same fact as the trial court, but whether or not the decision by the lower court on findings of fact was reasonable. If the trial judge's decision can be reasonably explained and justified, then the appellate courts should refrain from intervention, (paras 33, 34 & 60)
>
> (2) *The court in Henderson separated the four non-exhaustive identifiable errors of a trial judge from the plainly wrong test: (i) a material error of law; (ii) a critical finding of fact which has no basis in the evidence; (iii) demonstrable misunderstanding of relevant evidence; and (iv) a demonstrable failure to consider relevant evidence. The phrase 'lack of judicial appreciation of evidence1 used in Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors could very well encompass three out of four errors of a trial judge identifiable in Henderson*. Whilst there was a slight difference in the approach of the appellate intervention, both the UK Supreme Court and the Federal Court effectively shared a common thread where it had been held that appellate intervention was justified where there is lack of judicial appreciation of evidence. What is pertinent is that the 'plainly wrong' test is not intended to be used by an appellate court as a means to substitute its own decision for that of the trial court on the facts. (paras 54, 72, 74 & 76)
>
> (3) *An appellate court should not interfere with the factual findings of a trial judge unless it was satisfied that the decision of the trial judge was 'plainly wrong' where in arriving at the decision it could not reasonably be explained or justified and so was one which no reasonable judge could have reached. …*
>
> (penekanan ditambah)

[23] Pendekatan prinsip undang-undang yang sama berhubung dengan campur tangan Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Bicara juga dibincangkan di dalam kes *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19; [2003] 2 MLJ 97 dan *Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors* [2004] 4 CLJ 309.

Sama Ada Hakim Mahkamah Tinggi Telah Melakukan Kesalahan Jelas Dalam Fakta Dan Undang-undang Dalam Keputusannya

Isu Pertama: Sama Ada Plaintif Mempunyai Hak Di Bawah PSA Bertarikh 23 Oktober 2014

[24] Asas tuntutan plaintif terhadap defendan adalah berdasarkan PSA bertarikh 23 Oktober 2014. Isu utama yang menjadi pertikaian di dalam rayuan ini adalah mengenai hak "*locus standi*" plaintif dalam memfailkan tuntutannya terhadap defendan iaitu sama ada plaintif menurut PSA adalah pihak kepada PSA dan berhak membawa tindakan undang-undang terhadap defendan.

[25] Kami berpendapat bahawa isu status plaintif di dalam PSA perlu dijawab terlebih dahulu. Ini adalah kerana pertikaian di antara plaintif dan defendan di dalam tuntutan plaintif adalah berkenaan kewujudan plaintif di dalam PSA bertarikh 23 Oktober 2014. Sekiranya jawapan kami adalah "negatif iaitu plaintif tiada *locus* dalam membawa tindakan ini, maka isu-isu lain tidak lagi menjadi relevan.

[26] Siapakah pihak-pihak yang berkontrak di dalam PSA? kami merujuk bahagian mukadimah ('preamble') kepada PSA bertarikh 23 Oktober 2014 yang menyebut dalam seperti berikut:

> 1. **Intergate Steel Mill Sdn. Bhd.** (Company Number: 421465K) a private limited liability company incorporated in Malaysia with its registered office at Lot 147, Kawasan Perindustrian Semambu, Malaysia **(hereinafter to as "Party A") of the one part**;
>
> 2. **Gas Malaysia Berhad** (Company Number: 240409) a private limited company incorporated in Malaysia with its registered office at No. 5, Jalan Serendah 26/17, Seksyen 26, 40732 Shah Alam, Selangor, Malaysia (hereinafter referred to as Party B-1) of the second part; and
>
> 3. **IEV Energy Sdn Bhd** (Company Number: 708062-K), a private limited company incorporated in Malaysia with its registered office at Lot 4.100, 4th Floor, Wisma Central, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur **(hereinafter referred to as Party B-2) of the other part. Party B-1 and Party B-2 shall collectively referred to as Party B**.
>
> (penekanan ditambah)

[27] Secara ringkasnya kedudukan pihak-pihak di dalam PSA adalah:

(i) syarikat defendan dikenali sebagai "party A" (selepas ini dirujuk sebagai "party A");

(ii) syarikat Gas Malaysia Berhad dikenali sebagai "party B-1"; dan

(iii) syarikat IEV Energy Sdn Bhd dikenali sebagai "party B-2". "Party B- 1" dan "party B-2" secara kolektifnya dirujuk sebagai "party-B".

[28] Peguam terpelajar bagi pihak plaintif di dalam hujahan mereka menekankan bahawa "party C" yang dimaksudkan di dalam PSA adalah plaintif dan selanjutnya berhujah mereka telah berjaya membuktikan kedudukan plaintif sebagai "party C" di dalam PSA. Dengan hormatnya, kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif terpelajar atas alasan-alasan yang kami nyatakan berikutnya.

[29] Melalui pengamatan kami kepada PSA yang dirujuk, terdapat empat Recital dan lapan klausa yang dibentuk menjadi inti pati sebagai terma dan syarat PSA tersebut. Tiada di mana-mana di dalam PSA dicatat atau dinyatakan secara jelas bahawa plaintif adalah "party C" yang dirujuk.

[30] Di dalam keseluruhan terma dan syarat PSA tersebut, hanya Recital I sahaja merujuk kepada "party C" dan tidak yang lain-lain. Kewujudan "party C" pada Recital I yang bermaksud bagi tujuan pembekalan CNG pada masa hadapan kepada defendan, pihak party B pada tarikh yang ditetapkan kemudian akan menubuhkan satu syarikat iaitu akan dirujuk sebagai ("party C") dan melalui serahan hak oleh party B kepada party C di dalam PSA untuk membuat pembekalan CNG seterusnya kepada defendan. Recital 1 menyatakan seperti berikut:

> WHEREAS
>
> (a) Party A and Party B have agreed in principle on the matter as set forth below **relating to the future use by Party A of the Compressed Natural Gas** (hereinafter referred to as "CNG") **that shall be provided by an energy supply company due to be established by Party B at a later date** (hereafter referred to as "Party C" which shall jointly established as "Party B-1/B-2), **and consequently Party C will assign into this Pre-Supply Agreement**.
>
> (penekanan ditambah)

[31] Melihat kepada empat sudut PSA melalui peruntukan Recital I tersebut, setakat mana pelaksanaan PSA pada 23 Oktober 2014, sebelum penubuhan dan serah hak party C dilaksanakan, Gas Malaysia dan IEV Energy Sdn Bhd adalah pihak yang berkontrak dengan defendan dengan terma-terma yang dipersetujui untuk membekalkan CNG kepada defendan.

[32] Kembali semula kepada penubuhan party C yang dimaksudkan dalam Recital I, adalah fahaman kami bahawa ia merujuk kepada selepas PSA ditandatangani. Peguam plaintif terpelajar berhujah bahawa menerusi carian daftar syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM'), dicatatkan bahawa syarikat plaintif telah ditubuhkan pada 21 October 2014. Ini bermakna penubuhan syarikat plaintif berlaku sebelum PSA ditandatangani dan tidak mungkin party C tersebut merujuk kepada plaintif. Malahan, ianya bertentangan dengan maksud sebenar di dalam Recital I yang menyebut party C akan ditubuhkan selepas PSA.

[33] Sebagai tambahan, kami merujuk kepada Borang 9 Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian menurut s. 16(4) Akta Syarikat 1965 (KM33, Rekod Rayuan Bahagian C Part A, ms. 22) memperaku Gas Malaysia IEV Sdn Bhd didaftarkan sebagai sebuah syarikat sendirian pada 21 Oktober 2014. Pada tarikh yang sama juga menurut s. 28 Akta Syarikat 1965, Gas Malaysia IEV Sdn Bhd telah menukar namanya kepada Gas Malaysia Virtual Pipeline Sdn Bhd iaitu plaintif dalam rayuan ini. Adalah jelas, syarikat plaintif telah pun ditubuhkan sebelum PSA ditandatangani pada 23 October 2024.

[34] Andaian bahawa jika benar sekalipun penubuhan syarikat plaintif telah dibuat sebelum PSA dan hasrat Party B ingin menjadikan plaintif sebagai party C di dalam PSA, sewajarnya nama plaintif sebagai party C juga dinyatakan di dalam PSA tersebut. Walau bagaimanapun, kedudukan ini tidak pernah berlaku dan diakui oleh saksi SP1 dan SP2 bahawa nama plaintif tidak ada disebut di dalam PSA tersebut. Pada pendapat kami, jelas keterangan SP1 dan SP2 sebagai saksi penting plaintif tidak dapat menyokong kebenaran kandungan PSA *vis-à-vis* PSA itu sendiri.

[35] YA Hakim Mahkamah Tinggi di perenggan 18 Alasan Penghakiman beliau telah merujuk kepada keterangan saksi SP1 yang menyatakan plaintif adalah syarikat usaha sama antara Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd yang ditubuhkan selaras dengan perjanjian usahasama ('JVA') bertarikh 21 October 2014. SP1 selanjutnya menyatakan dokumen-dokumen telah menunjukkan plaintif dikenali sebagai party C di dalam Recital I. SP1 juga membuat suatu anggapan bahawa pihak-pihak telah pun mengetahui bahawa plaintif akan menjadi pihak kepada PSA tersebut sebaik sahaja ianya diperbadankan. Oleh yang demikian, mengambil kira keterangan SP1 tersebut, plaintif menyatakan pengataan bahawa plaintif bukanlah party C di dalam PSA adalah suatu isu remeh.

[36] SP1 di dalam keterangannya juga cuba meyakinkan Mahkamah Tinggi bahawa penubuhan syarikat plaintif adalah berbangkit daripada JVA bertarikh 21 Oktober 2014. Kami merujuk kepada JVA tersebut dan sekali lagi didapati nama plaintif tidak tertulis di dalamnya atau apa-apa hal berkaitan mengenai plaintif.

[37] Pengataan-pengataan mengenai plaintif adalah party C di dalam PSA disandarkan kepada keterangan SP1 (ketua syarikat plaintif) dan SP2 (penyelaras projek (kilang) plaintif) yang bukan penama yang dinamakan sebagai party C di dalam PSA. Tiada juga sebarang keterangan daripada mana-mana wakil di pihak Gas Malaysia Berhad dan/atau IEV Energy Sdn Bhd yang merupakan pihak-pihak dalam PSA mengesahkan berkenaan party C yang dirujuk di dalam Recital I.

[38] Berikutnya, YA Hakim Mahkamah Tinggi di perenggan 21 alasan penghakimannya telah membuat dapatan bahawa berdasarkan keterangan SD2, defendan dikatakan mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan plaintif sebagai party C di dalam PSA. Oleh yang demikian, adanya privi kontrak di antara defendan dan plaintif di dalam PSA dan plaintif berhak memfailkan tindakan undang-undang terhadap defendan.

[39] Namun, jika dirujuk kepada keterangan SD2 sendiri, SD2 menafikan bahawa beliau mempunyai sebarang pengetahuan mengenai kewujudan party C semasa PSA ditandatangani pada 23 Oktober 2014. Secara faktanya, tiada sebarang nama syarikat atau individu dinamakan dan/atau dinyatakan sebagai party C di dalam PSA semasa ianya ditandatangani.

[40] Bagi menilai keseluruhan terma-terma PSA yang dipersetujui oleh party A dan party B, menurut Recital III juga, satu perjanjian pembekalan gas ('gas supply agreement') secara rasminya perlu diwujudkan oleh party B dengan party A pada atau sebelum pembekalan gas dibuat. Berikutnya, Recital III PSA menyebut;

> Party A and Party B now wish to record the agreement reached relating to the supply of Compressed Natural Gas (CNG) by Party B to Party A at the Premises. *Both parties shall enter into a standard agreement for supply of CNG by Party B to Party A (hereinafter referred to as the "Gas Supply Agreement") on or before the Date of Commencement of Supply as stated in Clause 1 (hereinafter referred to as the "Supply Date").*
>
> (Penekanan tambahan)

[41] Merujuk kepada dokumen-dokumen dan keterangan yang berada di hadapan YA Hakim Mahkamah Tinggi, kami dapati "gas supply agreement" yang menjadi syarat awalan dalam PSA tersebut juga tidak pernah diwujudkan di antara defendan (party A) dan party B. Maka itu, defendan telah meneruskan perjanjian PSA dengan GAS Malaysia Berhad (GMB) dan IEV Energy Sdn Bhd. Oleh yang demikian, pihak-pihak hanya tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam PSA sahaja, melainkan dinyatakan sebaliknya dengan jelas.

[42] Berbalik kepada kewujudan plaintif berbangkit daripada Recital I PSA, tiada sebarang dokumen dikemukakan kepada mahkamah bagi menunjukkan melalui persetujuan party B-1 dan B-2 bahawa plaintif telah diwujudkan sebagai party C bagi maksud Recital I PSA tersebut. Tidak ditunjukkan juga bahawa defendan telah dimaklumkan tentang kewujudan plaintif sebagai party C yang akan meneruskan pembekalan gas mampat ke premis defendan.

[43] Persoalan seterusnya iaitu bagi memastikan penglibatan plaintif adalah sebahagian daripada PSA tersebut, perlu ada serah hak secara nyata oleh party B kepada plaintif untuk dijadikan pihak dan mengambil semua tanggungjawab dan liabiliti menurut terma-terma dalam pembekalan CNG

kepada defendan. Keperluan serah hak ini dinyatakan di dalam Recital I. ianya relevan bagi maksud serah hak kepada plaintif dan dirujuk semula pada bahagian yang relevan iaitu:

> I. Party A and Party B have agreed in principle on the matter as set forth below relating to the future use by Party A of the Compressed Natural Gas (hereinafter referred to as "CNG") *that shall be provided by an energy supply company due to be established by Party B at a later date (hereafter referred to as "party C" which shall jointly established as "Party B-1/B-2), and consequently party C will assign into this Pre- Supply Agreement*.
>
> (Penekanan tambahan)

Adakah Satu Serah Hak PSA Telah Dibuat Oleh Party B Kepada Plaintif Menurut PSA?

[44] Undang-undang mengenai serah hak "assign" atau penyerahan hak "assignment" adalah jelas sebagaimana diputuskan di dalam kes *UMW Industries (1985) Sdn Bhd (Formerly UMW (Malaya) Sdn Bhd) v. Ah Fook @ Chin Kim Fook* [1996] 1 CLJ 379. Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang sama menetapkan tiga syarat untuk memberi kesan kepada serah hak mutlak seperti berikut:

> (a) that the assignment must be in writing under the hand of the assignor;
>
> (b) that the assignment must be absolute and not by way of charge only; and
>
> (c) that express notice in writing must have been given to the person liable to the assignor under the assigned chose in action.

[45] Bagi menentukan sama ada wujudnya suatu serah hak mutlak, mahkamah hendaklah melihat kepada lingkungan empat sudut instrumen yang dirujuk. Kedudukan ini dinyatakan di dalam penghakiman kes *Nouvau Mont Dor (M) Sdn Bhd v. Faber Development Sdn Bhd* [1985] 1 CLJ 56; [1985] CLJ (Rep) 231, Seah FJ menyebut seperti berikut:

> It is plain that in every case of this kind, all the terms of the instrument must be considered; and whatever may be the phraseology adopted in some particular part of it, if, on consideration of the whole instrument, it is clear that the intention was to give a charge only, then the action must be in the name of the assignor. While, on the other hand, if it is clear from the instrument as whole that the intention was to pass all the rights of the assignor in the debt or chose in action to the assignee, then the case will come within section 25 and the action must be brought in the name of the assignee (Mathew LJ *Hughes v. Pump House Hotel Co Ltd* [1902] 2 KB 190). Having stated the preliminary and before we examine the terms of the document of assignment dated February 18, 1978 we would dispose of a short submission of learned counsel for the appellant. It was contended that since the assignment was entered into following

> the execution of a loan agreement between the appellant and the Public Bank, the said assignment should not be read in isolation but should be read in conjunction with the said loan agreement. With respect, we do not agree. In our judgment and it seems clear from the authorities above-mentioned, *whether or not an assignment is an absolute one (not purporting to be byway of charge only) within the meaning of section 4(3) of the Civil law Act 1956 is to be gathered only from the four corners of the instrument itself.*
>
> (Penekanan tambahan)

Akhirnya, sama ada suatu serah hak itu mutlak atau tidak, ia tertakluk kepada bagaimana dan tujuan ianya dibentuk (Sila lihat kes *Mercantile Bank of London Ltd v. Evans* [1999] 2 QB 613).

[46] Seterusnya, bagi menentukan suatu serah hak adalah bersyarat atau mutlak, fakta serah hak mutlak hendaklah menunjukkan bahawa keseluruhan kepentingan serah hak berkaitan dengan penerima serah hak iaitu plaintif di dalam PSA telah pun dipindahkan sepenuhnya tanpa syarat dan berada dalam kawalan penuh plaintif (sila lihat kes *Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng & Yap Wan Chuan & Ors* [1996] 2 CLJ 185; [1996] 1 MLJ 761).

[47] Berikutnya, s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956 memperuntukkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi menjadikan suatu serah hak mutlak diberi kesan undang-undang iaitu:

> (3) *Any absolute assignment, by writing, underthe hand of the assignor, not purporting to be by way of charge only of any debt or other legal chose in action, of which express notice in writing has been given to the debtor, trustee or other person from whom the assignor would have been entitled to receive or claim the debt or chose in action, shall be and be deemed to have been, effectual in law,* subject to all equities which would have been entitled to priority over the rights of the assignee underthe law as it existed in the State before the date of the coming into force of this Act, to pass and transfer the legal right to the debt or chose in action, from the date of the notice, and all legal and other remedies for the same, and the power to give a good discharge for the same, without the concurrence of the assignor.
>
> (Penekanan tambahan)

[48] Kembali semula kepada situasi kes ini, adakah plaintif telah memenuhi syarat-syarat bahawa:

(i) serah hak hendaklah bertulis daripada pemberi serah hak;

(ii) serah hakadalah mutlak; dan

(iii) suatu notis bertulis diserah kepada pihak yang berkenaan.

[49] Melalui pengamatan kami kepada perkataan "consequently party C will assign into this pre-supply agreement", di dalam Recital I PSA tersebut, apa yang menjadi tanda tanya di sini ialah, apakah maksudnya perkataan "assign into pre-supply agreement". Tiada penjelasan maksud "assign"

daripada plaintif berkenaan dengan apa-apa serah hak daripada Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd. Kes plaintif menjadi lebih teruk apabila saksi plaintif iaitu SP1 sendiri mengesahkan bahawa tiada sebarang surat daripada pihak plaintif kepada defendan memberi notis kepada defendan bahawa plaintif telah mengambil kuasa dari Gas Malaysia Berhad dan/atau IEV Energy Sdn Bhd dalam PSA tersebut. Dalam semua keadaan, didapati tiada sebarang dokumen secara bertulis berhubung serah hak daripada party B kepada plaintif dan juga tidak kepada defendan.

[50] Pengakuan SP1 di atas jelas membuktikan sekiranya maksud "assign" menjadi asas kepada kewujudan plaintif dalam PSA, sekali lagi perkataan serah hak yang dimaksudkan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah s. 4(3) Akta Undang-Undang Sivil 1956.

[51] YA Hakim Mahkamah Tinggi juga telah membuat dapatan bahawa defendan telah berutus surat dan tidak pernah membantah mahupun memprotes semasa masa material bahawa plaintif merupakan pihak yang sepatutnya menjadi pihak di dalam tindakan ini. Namun begitu, pada masa yang sama, saksi defendan SD1 dan SD2 telah menjelaskan bahawa plaintif adalah ejen Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd di tapak lokasi pada ketika itu. Surat-surat defendan kepada plaintif juga tidak merujuk kepada pengakuan defendan bahawa plaintif adalah pihak di dalam PSA tersebut.

[52] SD2 juga menyatakan surat menyurat untuk perlanjutan masa daripada defendan kepada plaintif dibuat atas arahan SP1 dan seorang bernama Razali yang berada di tapak lokasi. Keterangan SD2 ini tidak dicabar oleh saksi-saksi plaintif. Di sisi undang-undang, keterangan bahawa plaintif adalah ejen Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd kekal tanpa pencabaran. Kegagalan YA Hakim Mahkamah Tinggi mengambilkira keterangan SD2 di perenggan 51 di atas merupakan suatu kesilapan jelas dan ini tidak diperjelaskan dan dijustifikasi secara munasabah oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi.

Priviti Dalam Kontrak

[53] Menurut doktrin priviti dalam kontrak, secara umumnya, suatu kontrak tidak boleh memberikan hak atau mengenakan obligasi kepada orang asing yang bukan pihak kepada kontrak berkenaan (sila lihat *Suwiri Sdn Bhd v. Government Of The State Of Sabah* [2008] 1 CLJ 123; [2008] 1 MLJ 743). Seterusnya, adalah undang-undang mantap bahawa suatu kontrak itu tidak boleh dikuatkuasa oleh pihak yang bukan pihak kepada kontrak berkenaan. Hanya pihak yang berkontrak sahaja boleh mengambil tindakan untuk menguatkuasakan apa-apa hak atau tuntutan ganti rugi.

[54] YA Hakim Mahkamah Tinggi telah membuat dapatannya bahawa plaintif adalah pihak yang privi di dalam PSA bertarikh 23 Oktober 2014 dan atas alasan tersebut memutuskan plaintif mempunyai hak "*locus*" untuk mengambil tindakan terhadap defendan. Setakat mana pembacaan dan kandungan terma-terma PSA dimasuki di antara defendan dengan Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd, nama plaintif iaitu Gas Malaysia Virtual Pipeline Sdn Bhd (No. Syarikat: 114344-D) tidak pernah dizahirkan sebagai party C sepertimana yang dimaksudkan di bawah Recital I PSA bertarikh 23 Oktober 2014. Peruntukan Recital I dalam PSA adalah jelas, tidak kabur dan tidak mengelirukan. Maka itu, kedudukan plaintif di dalam PSA tersebut adalah mirip kepada suatu pihak asing kepada PSA tersebut. Menerima pakai prinsip doktrin priviti dalam kontrak, kami berpendapat, plaintif tiada *locus* untuk mengambil sebarang tindakan terhadap defendan. Jikalau ada suatu tindakan undang-undang hendak diambil terhadap defendan, pihak yang wajar berbuat demikian adalah pihak kepada kontrak iaitu Gas Malaysia Berhad dan IEV Energy Sdn Bhd pada masa material.

[55] Pada peringkat awalan alasan penghakiman kami ini iaitu pada perenggan 25 di atas, kami memberi jawapan secara negatif iaitu plaintif tiada *locus* dalam membawa tindakan ini terhadap defendan. Maka itu isu-isu lain tidak lagi menjadi relevan. Bagi tujuan kesempurnaan alasan penghakiman kami, kami mengambil pendirian untuk menyentuh dua isu berkaitan iaitu sama ada defendan memungkiri PSA tersebut terhadap plaintif dan sama ada plaintif berhak mendapat pampasan daripada defendan jumlah tuntutan tersebut di bawah PSA.

Isu Kedua: Sama Ada Defendan Memungkiri PSA Tersebut Terhadap Plaintif

[56] Plaintif menyatakan kemungkiran defendan adalah kegagalan defendan mengambil bekalan gas mampat (CNG) daripada plaintif selepas tempoh lanjutan diberikan. Adalah mustahil dan tidak munasabah untuk defendan memungkiri terma-terma PSA tersebut apabila plaintif dengan jelas bukan pihak di dalam PSA dan juga tiada hak atau kuasa untuk mengambil tindakan terhadap defendan.

Isu Ketiga: Sama Ada Plaintif Berhak Mendapat Pampasan Daripada Defendan Jumlah Tuntutan Tersebut Di Bawah PSA

[57] Jawapan kami adalah sama bahawa ketiadaan priviti dalam kontrak iaitu PSA di antara defendan dan plaintif, maka plaintif tiada sebarang hak menuntut sebarang ganti rugi terhadap defendan.

[58] Plaintif juga telah merujuk kepada kl. 6(a) PSA untuk menunjukkan hak mereka atas pampasan ganti rugi akibat kemungkiran dan pelanggaran PSA oleh defendan. Namun, jika dirujuk kl. 6(a) PSA tersebut, jelas, plaintif bukanlah pihak yang berupaya untuk menuntut ganti rugi daripada defendan. Kami rujuk kembali kepada kl. 6(a) yang menyebut seperti berikut:

A

6(a) *In the event that Party A shall fail to take CNG* by:

(iv) the Supply Date;

(v) such extended Supply Date if the Supply Date is extended pursuant to Clause 5(a)(ii); or

B

(vi) the date of termination of this Agreement is terminated pursuant to Clause 5(a)(i).

Party A shall compensate Party B for all fees, costs and expenses incurred by Party B for all the works carried out for and in connection with the construction and completion of the CNG Facilities as authorized by Party A in Clause 2 (hereinafter referred to as "Reimbursable Costs" provided that if the CNG Facilities are not used or intended to be used for the sole purpose of enabling the supply of CNG to the Premises, *the Reimbursable Costs charged shall be such portion of the total fees, costs and expenses as Party B shall determine).*

C

(Penekanan tambahan)

D

[59] Menganalisa inti pati kl. 6(a) PSA tersebut, kami dapati tiada peruntukan yang memberikan tanggungan kepada defendan sebagai party A untuk membayar apa-apa ganti rugi, fi atau kos kepada plaintif atau party C. Klausa 6(a) adalah khusus untuk tanggungan defendan membayar sebarang ganti rugi kepada party B sahaja sekiranya berlaku sebarang kemungkiran PSA yang mana tiada di dalam kes ini,

E

[60] Kami juga berpendapat YA Hakim Mahkamah Tinggi telah khilaf apabila mengawadkan jumlah ganti rugi sebanyak RM1,380,665.22 kepada plaintif apabila gagal mengambil kira kl. 6(a) PSA yang menyebut "the reimbursable costs charged shall be such portion of the total fees, costs and expenses as party B shali determine" bahawa kesemua kerugian jika ada

F

hanya akan ditentukan oleh party B sahaja. Plaintif tiada kuasa untuk menentukan jumlah ganti rugi yang patut dibayar jika ada.

[61] YA Hakim Mahkamah Tinggi di perenggan 26 alasan penghakiman beliau, membuat dapatan bahawa beban terletak di atas bahu defendan untuk

G

menunjukkan terdapatnya kesilapan di dalam pengiraan plaintif. Selanjutnya menyatakan melalui surat peguamcara plaintif bertarikh 14 September 2018, plaintif telahpun melampirkan penyata kiraan kerugian yang dialami oleh plaintif iaitu sebanyak RM2,596,498.24 dan ini tidak dicabar oleh defendan. YA Hakim Mahkamah Tinggi telah memakai prinsip undang-undang berkenaan sijil keberhutangan akhir seperti yang diputuskan di dalam kes-kes

H

CIMB Bank Bhd (Previously Known As Bumiputra-Commerce Bank Bhd) (*supra*) dan *OCBC Bank (Malaysia) Bhd v. Omega Horizon Sdn Bhd & Ors* [2004] 7 CLJ 443; [2005] 1 MLJ 183 sebagai bukti konkiusif akan keberhutangan defendan kepada plaintif.

I

[62] Kami tanpa keraguan lagi berpendapat YA Hakim Mahkamah Tinggi telah salah arah dan khilaf apabila mengasaskan penyata kiraan kerugian oleh plaintif sebagai suatu bukti konklusif keberhutangan defendan. Alasan kami menyatakan demikian adalah seperti berikut:

(i) tiada sebarang peruntukkan di dalam PSA menyatakan tentang apa-apa Sijil keberhutangan sebagai bukti konkiusif keberhutangan pihak yang mungkir kepada PSA;

(ii) jika dikatakan penyata kira-kira keberhutangan sebagai bukti konklusif (dalam kes ini, tiada) keberhutangan defendan, yang pasti penyata kira-kira tersebut tidak disediakan oleh party B sebagai pihak yang menentukan jumlah sebenar keberhutangan defendan menurut kl. 6(a) PSA;

(iii) jika penyata kira-kira keberhutangan tersebut hendak diambil kira, maka jumlah yang dikatakan berhutang adalah RM2,794,466.80 dan bukan kepada RM1,675,595.87 dan akhirnya kepada RM1,380,665.22; dan

(iv) perubahan jumlah keberhutangan yang tidak menentu dan tepat menunjukkan apa-apa penyata kira-kira yang dikeluarkan mengenai keberhutangan defendan tidak boleh diambil kira. Ini adalah kerana tiada penyata kira-kira akhir dikeluarkan kepada defendan untuk defendan menyangkal kebenaran jumlah yang terhutang. Ini sangat memprejudiskan defendan kerana tidak berpeluang menentang atau membela jumlah hutang yang sebenarnya terakru.

Kesimpulan Dan Keputusan

[63] Dengan hormatnya, kami berpendapat YA Hakim Mahkamah Tinggi telah mencapai keputusannya tanpa menilai keterangan dan bukti dokumen yang ada di hadapannya secara menyeluruh. Kegagalan YA Hakim Mahkamah Tinggi menghargai fakta dan aplikasi undang-undang yang betul telah menjurus kepada suatu kesalahan jelas di dalam keputusannya yang membolehkan kami campur tangan di dalam keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 31 Mei 2023.

[64] Kami telah menyatakan alasan-alasan kami mengapa kami patut melaksanakan kuasa campur tangan kami di dalam keputusan yang diberikan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi. Berdasarkan ulasan kami di atas, kami sebulat suara mendapati defendan mempunyai merit di dalam rayuannya dan kami membenarkan rayuan defendan dengan kos. Kami mengenepikan Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 31 Mei 2023. Kami selanjutnya memerintahkan plaintif membayar kos sejumlah RM40,000 kepada defendan iaitu sebagai kos di mahkamah ini dan di Mahkamah Tinggi tertakluk kepada bayaran alokatur.